

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (RANGKUMAN)

TARIKH: 17 JULAI 2017

MUKA SURAT: 24

## MOA rangka modul pertanian dalam bandar

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang merangka satu modul pelaksanaan program pertanian dalam bandar yang bukan saja dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat, tetapi juga memberi pendapatan tambahan kepada mereka.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu akan dilaksana-

kan bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta semua agensi berkaitan di kedua-dua kementerian berkenaan.

Menurut beliau, pertanian dalam bandar kini sudah menjadi satu trend di negara maju seperti di Tokyo, Singapura serta Hong Kong dan bukan lagi dilihat sebagai tugas mereka yang tinggal di kampung semata-mata.



**AHMAD Shabery (kanan) bersama Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar pada majlis Pelancaran Program Pertanian Bandar Peringkat Lembah Klang di SK Taman Nirwana, Ampang.**